



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies  
(IJWCPS)  
Universiti Sains Malaysia  
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>  
e-ISSN: 3030-5071  
Volume 2 2025: 73-85

Submission date: 31.01.2025 Accepted date: 10/02/2025 Published date: 01/03/2025

## **Falsafah dan Etika Penggunaan Air dari Perspektif Islam** *(Philosophy and Ethics of Water Usage from the Islamic Perspective)*

**Ummi Zainab binti Mohd Ghazali\* & Muhammad Azizan Sabjan**  
Universiti Sains Malaysia

\*Corresponding author: [ummighazali@gmail.com](mailto:ummighazali@gmail.com)

### **Abstrak**

Air merupakan anugerah Allah SWT yang amat berharga dan memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian manusia. Tanpa kehadiran air, kehidupan manusia akan menjadi porak-peranda. Dari perspektif Islam, air bukan sekadar dilihat sebagai entiti fizikal semata-mata, tetapi ia juga mempunyai nilai intrinsik falsafah dan etika yang mendalam. Konsep kewujudan air merangkumi pelbagai lapisan sumber kehidupan, sebagai lambang kesucian, petanda rahmat Allah SWT, dan juga penyumbang kepada keseimbangan alam. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif berasaskan analisis kandungan bagi menghuraikan falsafah, prinsip dan etika penggunaan air dari sudut perspektif Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa Islam menekankan kepentingan air dan meletakkan air sebagai elemen penting dalam kelangsungan hidup dan ibadah. Dari sudut etika, Islam meletakkan panduan yang jelas tentang penggunaan air, di mana pembaziran air (*israf*) adalah dilarang keras, walaupun dalam keadaan air yang banyak. Selain itu, Islam juga menekankan kepentingan menjaga kebersihan air, melarang pencemaran, menggalakkan perkongsian sumber air secara adil, serta menegah amalan monopoli. Prinsip ini selari dengan *maqasid syariah* yang bertujuan melindungi nyawa dan kesihatan manusia. Kajian ini menunjukkan bahawa falsafah dan etika penggunaan air dalam Islam adalah bersifat holistik, iaitu menggabungkan aspek spiritual, moral, dan praktikal dalam pengurusan sumber air.

**Kata Kunci:** Falsafah Air Islam, Etika Air Islam, Pembaziran Air, Penjimatan Air.

### **Abstract**

Water is a precious gift from Allah SWT and vital in daily life. Without water, human existence would fall into chaos. From an Islamic perspective, water is not just a physical entity; it also holds profound philosophical and ethical values. It encompasses various aspects of life, symbolizing purity, representing Allah's mercy, and contributing to environmental balance. This study utilizes a qualitative approach based on content analysis to explore the philosophy, principles, and ethics of water usage from an Islamic viewpoint. The findings indicate that Islam emphasizes the significance of water, deeming it essential for survival and worship. Ethically, Islam provides clear guidelines on water usage, strictly prohibiting wastefulness (*israf*), even in times of abundance. Additionally, Islam underscores the importance of maintaining water cleanliness, forbids pollution, encourages equitable sharing of water resources, and prohibits monopolization. These principles align with *maqasid syariah*, which aims to protect human life and health. The study highlights that the philosophy and ethics of water usage in Islam are holistic, integrating spiritual, moral, and practical aspects of water resource management.

**Keywords:** Islamic Water Philosophy, Islamic Water Ethics, Water Waste, Water Saving.

### **Pengenalan**

Air merupakan salah satu anugerah terpenting yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia dan sekalian alam. Tanpa air, kehidupan tidak akan muncul sama sekali. Kesemua hidupan adalah berasal daripada air, dan air juga bertindak sebagai penerus kehidupan. Dalam Islam, air bukan hanya sekadar wujud sebagai entiti fizikal, ia juga berfungsi sebagai pembekal nilai spiritual, falsafah, dan etika dalam kehidupan di dunia. Khazanah terbesar Islam iaitu Al-Quran dan hadis sangat banyak menyentuh mengenai kepentingan kewujudan air, menggambarkannya sebagai elemen utama dalam penciptaan, kehidupan, dan kelangsungan ibadah. Falsafah air dalam Islam merangkumi pemahaman tentang air

sebagai simbol kehidupan, tonggak kesucian, kurniaan rahmat, dan juga penyumbang kepada keseimbangan alam. Pada masa yang sama, etika penggunaan air dalam Islam menitik-beratkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk memelihara dan mengurus sumber air dengan bijaksana.

Artikel ini akan membincangkan falsafah dan etika penggunaan air dari perspektif Islam, dengan meneliti pandangan Islam terhadap air sebagai sumber kehidupan, konsep keseimbangan dan pengurusan lestari, serta tanggungjawab individu dan masyarakat dalam menjaga sumber air.

### **Sorotan Kajian**

Air dari sudut pandang falsafah merupakan suatu tajuk yang telah mendapat sentuhan perbincangan daripada ilmuwan-ilmuwan besar Islam terdahulu seperti Imam Ghazali (1058-1111). Imam Ghazali berpandangan bahawa air merupakan satu anugerah yang tidak ternilai dari Allah SWT yang Maha Esa. Sebagai ahli sufi yang ulung, Imam Ghazali juga menyatakan bahawa sekiranya insan ingin mendapat kesucian jiwa dan rohani, kita perlulah menyucikan jiwa dalaman dari dosa dan keburukan sepertimana air menyucikan kotoran luaran (Al-Ghazali, 2020).

Ibnu Khaldun, seorang lagi sarjana ulung Islam, turut menyuarakan pandangan berunsur falsafah mengenai air. Walaupun tidak menulis secara khusus mengenai air, Ibnu Khaldun mengiktiraf air sebagai salah satu elemen penting bagi pembangunan dan kelangsungan masyarakat manusia. Dalam analisisnya mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada kebangkitan tamadun, beliau menekankan kepentingan air sebagai sumber semula jadi dalam membentuk struktur ekonomi dan sosial komuniti. Beliau memerhatikan bahawa akses kepada sumber air, seperti sungai, perigi, dan hujan, adalah penting untuk kemajuan pertanian, perdagangan, dan urbanisasi (Ibnu Khaldun, 2019).

Sebagai contoh, Ibnu Khaldun menyatakan bagaimana Sungai Nil memainkan peranan penting dalam kemakmuran Mesir purba, membolehkan pengairan, pengeluaran makanan, dan pertumbuhan bandar-bandar berlaku dengan pesat. Falsafah Ibn Khaldun selari dengan pandangan Islam mengenai air sebagai satu nikmat Ilahi dan sumber yang

dikongsi bersama. Beliau memahami bahawa air bukan sahaja keperluan fizikal, tetapi juga pemangkin kepada kemajuan budaya dan intelektual. Tamadun yang mengurus sumber air dengan berkesan akan berkembang maju, manakala mereka yang mengabaikan atau mengurusnya dengan buruk akan menghadapi kemerosotan.

Imam Ghazali dan Ibnu Khaldun kedua-duanya bersetuju bahawa sumber air perlu digunakan secara berhemat dan tidak membazir (Al-Ghazali, 2020; Ibnu Khaldun, 2019). Imam Ghazali turut membawakan satu hadis dari nabi Muhammad SAW yang menyeru supaya umat Islam supaya berkongsi dalam tiga perkara iaitu air, padang ragut dan api. Hadis tersebut merupakan petikan dari hadis riwayat Abu Daud (3477) dan Ibn Majah (2472) (Razif, 2017). Imam Ghazali menegah monopoli sumber air, terutamanya apabila melibatkan minuman dan pertanian.

Kajian semasa menunjukkan bahawa topik pengilustrian falsafah air semakin kurang mendapat perhatian, manakala topik etika penggunaan air pula yang menampakkan unsur peningkatan minat kajian. Kajian terkini melibatkan air kebanyakannya lebih menekankan mengenai peranan sumber air, serta aplikasi penggunaan air dalam ruang lingkup keperluan kelestarian alam sekitar. Ini dapat dilihat menerusi kajian Othman et al. (2021) yang merumuskan bahawa air bertindak sebagai sumber makanan, minuman, dan juga medium pengangkutan bagi manusia. Agri dan Zein (2024) pula menyenaraikan air sebagai salah satu unsur utama dalam pengekalan ekosistem di muka bumi, di samping tanah, angin, laut, flora dan fauna. Rohana & Surtahman (2022) mengutarakan persoalan etika menurut perspektif Al-quran dalam pengurusan sumber laut. Menurutnya, sebagai khalifah di muka bumi, manusia bertanggungjawab menjaga keseimbangan persekitaran bukan sahaja di daratan, malahan di lautan.

Keseluruhannya, gabungan falsafah dan etika air menurut perspektif Islam masih tidak dibincangkan secara mendalam. Ini membuka ruang penyelidikan bagi menghasilkan kertas kerja ini.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk kepada sumber utama Islam seperti Al-Quran dan hadis, serta sumber kedua seperti pandangan ulama dan sarjana Islam klasik dan kontemporari. Data dikumpulkan dan dianalisis melalui analisis teks dan interpretasi kandungan. Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada literatur terkini tentang falsafah dan etika pengurusan sumber air dari perspektif Islam. Kaedah kajian sebegini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji untuk memahami dan menghuraikan falsafah dan etika penggunaan air secara mendalam, berdasarkan sumber-sumber autoritatif dalam Islam. Pendekatan ini juga membolehkan jalinan integrasi antara pandangan tradisional dan moden tentang pengurusan sumber air dilaksanakan.

## **Perbincangan**

### **Falsafah Air Dalam Islam**

Dalam Islam, air memiliki keunikan dari segi kewujudan dualiti dimensi, iaitu dalam bentuk fizikal dan spiritual. Air bukan sahaja digunakan untuk memenuhi keperluan asas fizikal manusia seperti minum dan pertanian, tetapi juga berfungsi dalam kerangka ibadah spiritual seperti wuduk dan bersuci.

Dari sudut falsafah Islam, air adalah pemula kehidupan. Menurut kitab suci Al-Quran, air adalah asal usul dari setiap benda hidup. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Anbiya ayat 30 yang menyatakan:

“Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?” (The Noble Quran, Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih, 21:30)

Ayat ini menekankan bahawa air adalah asas kehidupan, dan tanpa air, kehidupan di bumi tidak mungkin wujud. Kesemua makhluk hidup yang

berada di muka bumi malahan di alam semesta yang luas ini adalah berpunca dari air. Ini mencerminkan kebergantungan manusia dan alam semula jadi terhadap air, serta mengingatkan kita tentang kebesaran dan kebijaksanaan Allah SWT dalam mencipta alam semesta.

Air memainkan peranan penting dalam kerangka ibadah Islam kerana ia digunakan untuk membersihkan diri dan menjaga kebersihan secara umum dan khusus. Ia digunakan untuk membersihkan najis dan kekotoran fizikal, menunjukkan kepentingan air dalam menjaga kebersihan dan kesihatan yang merupakan sebahagian daripada ajaran Islam. Air adalah elemen utama dalam wudhu, *taharah* dan mandi junub yang merupakan antara syarat sah untuk ibadah wajib seperti solat. Proses penyucian ini melambangkan pembersihan hati dan jiwa dari dosa dan kekotoran rohani yang dapat dilaksanakan dengan kehadiran air.

Di samping itu, air juga bertindak sebagai lambang rahmat dan kurniaan dari Allah SWT. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al-Furqan ayat 48 berikut:

“Dan Dia lah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmatNya, dan Kami menurunkan dari langit: air yang bersih suci,” (The Noble Quran, Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih, 25:48)

Hujan membawa kehidupan kepada tanah yang kering, menyuburkan tanaman, dan menyediakan sumber air untuk manusia dan haiwan. Sepertimana yang telah dibuktikan oleh dapatan sains, sehingga kini manusia masih tidak mampu untuk mencipta hujan buatan walaupun dengan ledakan kepesatan kemajuan teknologi terkini (Bucaille, 2015). Ini menggambarkan betapa Allah SWT sentiasa menyediakan keperluan makhluk-Nya dengan penuh rahmat dan kasih sayang.

Falsafah Islam juga menekankan peranan air sebagai salah satu konsep keseimbangan alam. Ini diperihalkan melalui ayat Al-Quran berikut iaitu surah Al-Mu'minun ayat ke-18:

“Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan

sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.” (The Noble Quran, Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih, 23:18)

Ayat ini menunjukkan bahawa sukatan air diatur dengan teliti oleh Allah SWT, dan manusia perlu menghargai serta menggunakan sumber air dengan bijaksana. Tanpa air, keseimbangan semulajadi alam akan terjejas akan bencana yang tidak diingini seperti banjir besar boleh berlaku secara mendadak (Sabjan & Mohd Ghazali, 2024). Ini juga mengingatkan kita tentang tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar dan tidak membazirkan sumber semula jadi akibat kerakusan nafsu eksploitasi.

Falsafah Islam juga mengaitkan sifat air dengan kedamaian kehidupan abadi di syurga, dan kesengsaraan kehidupan di dalam seksaan neraka. Syurga digambarkan sebagai tempat yang penuh dengan sungai-sungai yang mengalir dengan unsur nikmat susu dan madu, manakala penghuni neraka pula diancam dengan pemberian air minum yang panas menggelegak. Ini seperti yang diceritakan dalam surah Muhammad ayat ke-15:

“Sifat Syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa (ialah seperti berikut): ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredaan dari Tuhan mereka. (Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam Syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum dari air yang menggelegak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur? (Sudah tentu tidak sama!)” (The Noble Quran, Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih, 47:15)

Selain itu, air juga dapat berfungsi sebagai agen penyembuhan (Arip & Mohd Amin, 2022). Ini berdasarkan petikan ayat Quran berikut iaitu dari surah Sad ayat 42:

“(Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): "Hentakkanlah (bumi) dengan kakimu " (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya):"Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin)” (The Noble Quran, Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih, 14:32)

Ayat ini menceritakan mengenai peristiwa nabi Ayyub yang menghentak kaki baginda yang suci ke atas tanah atas suruhan Allah SWT. Seketika kemudian muncul mata air sejuk memancar dari tempat hentakan kaki baginda. Baginda kemudian mandi dengan air tersebut lalu hilanglah kesakitan fizikal baginda. Kesakitan dalaman tubuh baginda juga hilang setelah baginda meminum air tersebut (Ibnu Katsir, 1998).

Air juga mengajar manusia tentang kebergantungan mutlak kepada Allah SWT. Air bertindak sebagai sumber makanan, minuman dan medium pengangkutan bagi manusia Sebagaimana air turun dari langit dan tidak dapat dihasilkan oleh manusia, begitu juga dengan rezeki dan kehidupan. Ini mengingatkan manusia untuk sentiasa bersyukur dan tidak sombong, kerana segala sesuatu hanyalah datang dari Allah. Ini berdasarkan ayat dari ke-32 dari surah Ibrahim:

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).” (The Noble Quran, Terjemahan Abdullah Muhammad Basmeih, 14:32)



## Etika Penggunaan Air Dalam Islam

Secara dasarnya, etika berasal daripada perkataan Yunani iaitu *ethos*, yang bermaksud watak, adat, atau kebiasaan. Secara umum, etika merujuk kepada prinsip moral yang menentukan tingkah laku seseorang atau sesuatu kumpulan dalam masyarakat. Ia berkaitan dengan konsep baik dan buruk, betul dan salah, serta bagaimana individu sepatutnya bertindak dalam situasi tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Dalam bidang falsafah, etika adalah kajian mengenai nilai moral dan prinsip yang membimbing tindakan manusia. Sesetengah pengkaji mengaitkan peranan etika dengan pendirian falsafah moral (Rohana & Surtahman, 2022). Etika penggunaan air dalam Islam pula merangkumi prinsip-prinsip moral dan panduan tingkah laku yang mengatur penggunaan dan pengurusan air.

Islam menekankan konsep kesederhanaan dan kehematan dalam semua aspek kehidupan, termasuk penggunaan air. Walaupun air adalah sumber yang penting untuk kehidupan dan ibadah, Islam melarang sebarang bentuk pembaziran, termasuk ketika menggunakan air untuk tujuan ibadah seperti berwuduk atau mandi junub. Rasulullah SAW telah memberikan panduan yang jelas dalam hal ini melalui sabda baginda: "Janganlah kamu membazir air walaupun kamu berada di sungai yang mengalir" (Riwayat Ibn Majah no 425, seperti dipetik di dalam Al-Bakri, 2022). Hadis ini menjadi asas penting dalam etika penggunaan air dalam Islam. Ia menunjukkan bahawa pembaziran air adalah perbuatan yang tidak disukai oleh Allah SWT, walaupun air tersebut berada di tempat yang banyak dan mudah diperoleh.

Islam juga menitik-beratkan kepentingan menjaga kebersihan air dan melarang sebarang bentuk pencemaran air. Air yang bersih adalah keperluan asas untuk kehidupan dan ibadah, dan pencemaran air dianggap sebagai perbuatan yang bukan sahaja merosakkan diri sendiri, malahan ia berkemungkinan membawa kesan buruk kepada masyarakat dan alam sekeliling. Hal ini diingatkan dengan jelas oleh nabi Muhammad SAW melalui sabda baginda "Janganlah seseorang antara kamu buang air kecil di air yang tidak mengalir, kemudian mandi di dalamnya" (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim, seperti dipetik di dalam Muallif, 2022). Hadis ini

mengajar umat Islam untuk menjaga kebersihan air dan tidak mencemarkannya, kerana pencemaran air boleh menyebabkan penyakit, kekurangan sumber air bersih, dan merosakkan ekosistem. Ini bertentangan dengan prinsip keadilan dan kesejahteraan yang ditekankan dalam Islam.

Selain itu, Islam turut menggalakkan perkongsian sumber air secara adil dan saksama serta melarang kegiatan monopoli air. Air adalah keperluan asas untuk semua makhluk, termasuk manusia, haiwan, dan tumbuhan. Oleh itu, Islam menggalakkan pengagihan air secara adil supaya semua pihak dapat memanfaatkannya tanpa diskriminasi. Dalam satu hadis sahih, nabi Muhammad telah bersabda "Manusia berkongsi dalam tiga perkara: air, padang rumput, dan api" (Riwayat Abu Daud no 3477, Riwayat Ibn Majah no 2472 dan Riwayat Ahmad no 23132, seperti dipetik di dalam Al-Bakri, 2023). Hadis ini menunjukkan bahawa sumber asas seperti air tidak boleh dikuasai oleh segelintir orang untuk kepentingan peribadi. Monopoli air boleh menyebabkan konflik sosial, ketidaksamaan, dan penderitaan, terutamanya bagi golongan yang lemah dan miskin. Sebagai Muslim, kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua pihak, termasuk makhluk lain, mempunyai akses kepada air yang bersih dan mencukupi. Ini mencerminkan semangat ukhuwah (persaudaraan) dan keperihatinan terhadap keperluan orang dan juga makhluk lain, yang merupakan nilai teras dalam Islam.

Sebagai khalifah di muka bumi, manusia bertanggungjawab untuk memelihara dan mengurus sumber air dengan bijaksana. Ini termasuk memastikan kelestarian sumber air untuk generasi akan datang. Dan sebagai umat Islam, prinsip falsafah dan etika penggunaan air seperti mana yang telah digariskan oleh Islam perlu sentiasa dipegang dan disemat di dalam dada bagi mengingatkan kita untuk tidak membuat kerosakan kepada nikmat air yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT, di samping mengharap limpah kurniaNya akan terus mengalir berkekalan sepanjang kehidupan.

## Kesimpulan

Falsafah dan etika penggunaan air dari perspektif Islam mencerminkan pandangan menyeluruh Islam terhadap alam semula jadi dan tanggungjawab manusia sebagai pengurus (khalifah) di muka bumi. Air bukan sekadar sumber fizikal, tetapi juga simbol rahmat, kesucian, dan keseimbangan alam. Etika Islam menekankan pentingnya menjaga kebersihan air, mengelakkan pembaziran, berkongsi sumber air secara adil, dan memastikan kelestariannya untuk generasi akan datang. Prinsip ini selari dengan *maqasid syariah* yang bertujuan melindungi nyawa dan kesihatan manusia.

Dengan mengamalkan prinsip-prinsip ini, umat Islam bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Kajian ini menunjukkan bahawa pandangan Islam tentang air adalah holistik, menggabungkan aspek spiritual, moral, dan praktikal dalam pengurusan sumber semula jadi. Oleh itu, adalah penting untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip falsafah Islam dalam pengurusan sumber air pada peringkat individu, masyarakat, dan global untuk mencapai status kelestarian dan keadilan yang mapan.

## Penghargaan

Ucapan terima kasih pengkaji kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) kerana menaja Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk “Kerangka Dasar Halalan Toyyiba Dalam Penggunaan Air” dengan nombor kod FRGS/1/2021/SS10/USM/02/6 di mana kajian kertas kerja ini dilengkapkan menggunakan dana ini.

## Rujukan

- Agri, I. H., & Zein, A. (2024). Ekoliterasi Lingkungan Hidup dalam Alquran Perspektif M. Quraish Shihab. *Kamaya Jurnal Ilmu Agama*, 7(2), 101–113. <https://doi.org/10.37329/kamaya.v7i2.3205>
- AL-Bakri, D. Z. M. (2022, February 3). #397 *Membazir Air ketika Berwuduk*. ZULKIFLI AL-BAKRI. <https://zulkifliabakri.com/397-membazir-air-ketika-berwuduk/>
- AL-Bakri, D. Z. M. (2023, September 26). #39 *Kecaknaan Islam Terhadap Sungai*. ZULKIFLI AL-BAKRI. <https://zulkifliabakri.com/39-kecaknaan-islam-terhadap-sungai/>
- Al-Ghazali, Imam. (2020). *Ihya Ulumuddin*. Terjemahan Bahasa Melayu. Nuansa Cendekia.
- Arip, N. 'Afif, & Mohd Amin, M. Z. (2022). Terapi Air Dingin Sebagai Ikhtiar Penyembuhan Masalah Kerohanian Menurut Perspektif Sunnah. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 18(2), 34–56. <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v18i2.359>
- Bucaille, M. (2015). *The Bible, The Quran, and Science*. Createspace Independent Publishing Platform.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Etika*. Prpm.dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=etika>
- Ibnu Katsir, Ibrahim bin Umar. (1998). *Tafsir Al-Quran Al-Karim*. Ditahqiq oleh Muhammad Husain bin Syamsu Al-Dun. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Ibnu Khaldun. (2019). *Mukaddimah*. Terjemahan Bahasa Indonesia. Pustaka Al-Kautsar.
- Mualif. (2022, April 7). *Kitab Thaharah Bab Air - Larangan Mandi di Air yang Diam - Hadis No 6*. Al-Marji.

<https://muhamadbasuki.web.id/artikel/8/kita-b-thaharah-1-bab-air-larangan-mandi-di-air-yang-diam-hadis-no-6.html#gsc.tab=0>

- Othman, F., Yusof, A. H., Tohiran, K. A., Fauzi, F. A., & Kamal, N. M. (2021). Penakrifan Semula Falsafah Sumber Asli untuk Pembinaan Peradaban Islam: Satu Sorotan Awal. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(3), 157–167. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.36>
- Razif, M. (2017, January 23). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - BAYAN LINNAS SIRI KE-83: AIR: NIKMAT YANG PERLU DIURUS*. Muftiwp.gov.my. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3259-bayan-linnas-siri-ke-83-air-nikmat-yang-perlu-diurus>
- Rohana, N. A. M. & Surtahman A.W. (2022). Etika dan Tanggungjawab Khalifah dalam Pengurusan Laut Menurut Perspektif Al-Quran: Ethics and Responsibilities of Caliphs in Sea Management According to Al-Quran's Perspective. *Jurnal Pengajian Islam*, 235-256. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/201/146>
- Sabjan, M. A., & Mohd Ghazali, U. Z. (2024). Kitaran Air Semula Jadi: Dari Falsafah Kuno Ke Sains Moden Dan Kebenaran Al-Quran. *Sains Insani*, 9(2), 236–245. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no2.694>
- The Noble Quran. (2024). Terjemahan oleh Abdullah Muhammad Basmeih. Quran.com <https://quran.com/>